



Perdana Menteri beramah mesra bersama orang ramai pada majlis penutup Hari Pengguna Kebangsaan 2023 di Bukit Jalil, semalam.

(Foto Aswadi Alias/BH)

Program Rahmah masuk semua DUN

Dana RM50j lagi perluas inisiatif bantu golongan berpendapatan rendah, miskin

Oleh Ahmad Suhael Adrian
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menyedikan peruntukan tambahan RM50 juta untuk memperluaskan inisiatif Rahmah ke setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri memaklumkan, kerajaan mahu inisiatif di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu diperluaskan berdasarkan kejayaan awal program berkenaan yang menunjukkan hasil memberangsangkan.

Program Rahmah menyentuh secara langsung golongan berpendapatan rendah, antara elemen penting serta utama dalam usaha kerajaan menoktahkan miskin tegar tahun ini dan tegas Anwar, tiada makna berbicara soal rahmah, perjuangan, kasih sayang, ihsan dan prihatin jika

kebajikan golongan itu tidak terjamin.

“Oleh kerana kejayaan awalnya, kementerian ada mengusulkan supaya kalau boleh kita perluaskan (program Rahmah) di setiap kawasan DUN supaya semua dapat mengicip kemudahan itu. Ia tentunya ambil kos lebih.

“Saya akan pastikan untuk menyegerakan pelaksanaan ini secara berperingkat dan kita luluskan tambahan RM50 juta untuk itu,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup Hari Pengguna Kebangsaan (HPK) 2023, di sini semalam.

Program Rahmah digerakkan KPDN melalui inisiatif Payung Rahmah yang merangkumi empat elemen utama, iaitu Bakul Rahmah, Kafe Rahmah, Jualan Murah Rahmah dan Barangan Rahmah bagi meringankan beban golongan B40 dalam berdepan peningkatan kos sara hidup.

Noktahkan miskin tegar

Sementara itu, Perdana Menteri yakin sasaran untuk menoktahkan kemiskinan tegar tahun ini tidak mustahil kerana Malaysia memiliki sumber yang banyak, dibantu sikap prihatin dan kasih sayang dalam kalangan elit profesional dan ahli perniagaan di negara ini.

“Tak mungkin kita fikir boleh hidup selesa, kemudian ada keluarga di Sarawak, Kelantan, Ke-

dah atau di pinggir bandar Kuala Lumpur tak ada wang untuk beli susu anak, tak cukup wang untuk beli ‘uniform’ sekolah untuk anak. Ini tidak harus berlaku di Malaysia tercinta,” katanya.

Ditemui pemberita kemudian, Anwar menjelaskan, inisiatif seperti Menu Rahmah yang diperkenalkan KPDN mendapat sambutan amat menggalakkan dalam kalangan golongan memerlukan.

“Kejayaan bila dikurangkan harga (juadah Menu Rahmah) 10, 15 peratus. Dalam sejam, dua jam habis (makanan). Sambutan baik terutama bagi miskin bandar dan beberapa kawasan luar bandar. Jadi saya minta diperluaskan untuk setiap DUN.

“Walaupun skala kecil, kita sasarkan yang betul-betul miskin, tapi kos RM50 juta itu khusus untuk jualan Rahmah,” katanya.

Ditanya mengenai pengumuman berkait bantuan dan inisiatif dibuat pemimpin Kerajaan Perpaduan menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) yang didakwa melanggar peraturan, Perdana Menteri meminta semua pihak berlaku adil.

“Kerajaan Persekutuan tak boleh tangguh program dan peruntukan yang sudah dirancang sekian lama hanya kerana PRN berlangsung. Penamaan calon semalam (kelmarin), kerajaan (Persekutuan) masih berjalan,” katanya.